

29/07/2001

Sejarah buktikan Malaysia negara Islam

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad ada memberitahu, Malaysia boleh dikategorikan sebagai negara Islam. Malah Perdana Menteri mencabar Pas agar memperincikan bentuk negara Islam yang dicita-citakan parti itu. Berdasarkan fakta sejarah, Malaysia memang negara Islam. Majoriti penduduk dan pemimpin utamanya juga beragama Islam. Penolong Ketua Pengarah Institut Kefahaman Malaysia (IKIM), Datuk Dr Abdol Monir Yaacob, adalah antara sarjana yang membuat kajian terperinci mengenai kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Susur galur kajiannya bermula daripada zaman kesultanan Melaka, dikukuhkan dengan penjelajahannya ke merata negara Islam lain. Ikuti kesimpulan kajian beliau, dalam wawancara khas dengan wartawan Berita Minggu, Jamhariah Jaafar.